

UCAPAN

YANG AMAT BERBAHAGIA TOH PUAN

HAJJAH SUHAILAH BTE TAN SRI HJ. MOHD. NOAH

DI PERASMIAN MESYUARAT AGUNG BAKTI YANG KE-7

DI SRI PERDANA, PADA HARI SELASA

22HB. MEI, 1984

PUKUL 2.00 PETANG

Yang Amat Berbahagia Dato Seri Datin Paduka

Dr. Siti Hasmah,

Yang Di-Pertua BAKTI;

Yang Amat Berbahagia Datin Maria,

Timbalan Yang Di-Pertua BAKTI;

Yang Amat Berbahagia Tun Hajah Rahah;

Yang Berbahagia Toh Puan-Toh Puan;

Yang Berbahagia Puan Seri-Puan Seri;

Yang Berbahagia Datin Seri-Datin Seri;

Ahli-ahli BAKTI yang dihormati sekalian.

Assalamu 'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Saya bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala, kerana dengan izinNya dapat kita semua berkumpul pada hari yang berbahagia ini, untuk melaksanakan perasmian Mesyuarat Agung BAKTI yang ke-7 sebentar lagi.

2. Saya juga mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Yang Amat Berbahagia Yang Di -Pertua BAKTI, Dato Seri Datin Paduka Dr. Siti Hasmah, serta ahli-ahli sekalian, kerana sudi menjemput saya untuk merasmikan Mesyuarat Agung BAKTI yang ke-7 ini. Ini sebenarnya adalah satu penghormatan yang sangat bermakna bagi diri saya, kerana BAKTI adalah satu persatuan yang sentiasa saya kenangi. Atas ingatan ahli-ahli BAKTI sekalian terhadap diri saya, saya berasa

*berbesar hati dan sekali lagi mengucapkan
berbanyak terima kasih.*

Puan-puan sekalian,

3. *BAKTI dan peranannya semakin hari
semakin terkenal di kalangan masyarakat kita.
Sambutan yang diberikan oleh orang ramai,
juga bertambah menggalakkan. Ini jelas
terbukti pada masa-masa Persatuan ini
menganjurkan apa juga bentuk rancangan yang
bertujuan untuk mengutip derma. Lazimnya,
wang yang dapat dikumpul adalah sangat
memuaskan.*

4. *Kejayaan yang dicapai oleh BAKTI setakat
ini adalah bukti kemampuan setiap ahli yang
menjadi anggota persatuan ini. Kejayaan*

sesebuah persatuan, lebih-lebih lagi Persatuan yang mendasarkan kegiatannya kepada kerja-kerja amal dan kebajikan, adalah banyak bergantung kepada disiplin dan usaha gigih ahli-ahli sendiri. Tanpa semangat ini, sudah tentu apa juga persatuan, walau bagaimana murni sekali tujuan ianya ditubuhkan, tidak akan membawa apa-apa kesan. Alhamdulillah, di bawah kepimpinan yang berdedikasi dan serba boleh oleh Yang Di-Pertuanya, Persatuan ini telah mencapai banyak kejayaan yang mengharumkan lagi nama BAKTI.

Puan-puan sekalian,

5. Tujuh tahun telah berlalu sejak BAKTI ditubuhkan. Dalam usaha kita untuk membantu mereka yang tidak berkemampuan dari segi

kewangan atau mereka yang kecacatan anggota yang memerlukan rawatan perubatan dan sebagainya, kita jangan sekali-kali merasa jemu. Sebaliknya, ahli-ahli BAKTI sekalian mestilah insaf dan bersyukur kerana kita merupakan golongan yang berkemampuan, dan oleh yang demikian, memberi bantuan tidaklah seharusnya dianggap sebagai beban yang berat. Memang benar bahawa BAKTI dengan sendirinya tidak akan dapat menghapuskan kesemuanya kesulitan yang dihadapi oleh individu-individu atau membantu setiap orang yang memerlukan bantuan. Tugas yang sedemikian rupa amatlah besar, dan persatuan seperti BAKTI ini, tidak akan ada upaya untuk melaksanakannya. Kemampuan BAKTI untuk menghulurkan bantuan yang berupa derma kewangan, adalah terhad kepada jumlah kutipan

wang yang disumbangkan oleh dermawan atau syarikat-syarikat.

Puan-puan sekalian,

6. Pada masa BAKTI ditubuhkan tujuh tahun yang lalu, di antara tujuan-tujuannya ialah mengadakan sebuah kumpulan di mana isteri-isteri menteri dan timbalan-timbalan menteri dapat berkenalan dan bermesra lebih rapat lagi di antara satu dengan yang lain. Di samping itu, kita bergiat menjalankan kerja-kerja amal dan kebajikan. Oleh kerana kumpulan itu baru dan dalam percubaan maka kegiatan-kegiatannya adalah sederhana mengikut kemampuannya.

7. *Sungguhpun demikian, saya mempunyai banyak kenangan manis terhadap BAKTI. Di antaranya ialah perasaan rapat dan kasih mesra di antara saya dengan ahli-ahli yang lain dan di antara ahli sesama ahli. Bila kita berjumpa sama ada di dalam mesyuarat ataupun dalam perjumpaan yang lain, kita semua selalu bersuka ria dengan gelak ketawa dan bergurau. Ini membangkitkan semangat kekeluargaan. Di antara kegiatan-kegiatan yang selalu dalam ingatan manis saya, ialah semasa BAKTI mengadakan Pasar Ria di Sekolah Kebangsaan Hishamudin kerana memungut derma tahunan. Ahli-ahli semua bersusah payah mengadakan bermacam-macam jualan dengan suasana yang amat menyukakan. Yang satu lagi ialah bila BAKTI mengadakan walkaton di kebun bunga. Semua ahli BAKTI beserta dengan*

suami-suami dan anak-anaknya mengambil bahagian.

8. Sekarang ini BAKTI telah bertambah besar dan mempunyai lebih ramai ahli-ahlinya. Kegiatan-kegiatannya pula bertambah banyak. Saya amat sukacita melihat perkembangan dan kejayaan BAKTI pada masa ini.

9. BAKTI bernasib baik kerana mempunyai pemimpin-pemimpin yang berkebolehan dan penuh dedikasi. Di bawah kepimpinan dan usaha gigih daripada puan-puan sekalian, saya percaya BAKTI akan dapat terus meningkatkan lagi tahap kejayaan yang telah dicapai setakat ini. Insya-Allah, usaha-usaha yang murni yang dilaksanakan oleh BAKTI, akan

sentiasa mendapat sambutan yang menggalakkan daripada orang ramai.

10. Dengan kata-kata ini, saya dengan sukacitanya membuka Mesyuarat Agung BAKTI yang ke-7 ini dengan rasminya.

Terima kasih.

* * * * *



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA